



جَبَاتِن كَهَاكِيمِن سِيَرِيَا قَهَاڠ

JABATAN KEHAKIMAN SYARIAH PAHANG
Kompleks Syariah Al Sultan Abdullah
Bandar Indera Mahkota
25200 KUANTAN
PAHANG DARUL MAKMUR



Tel : 09-531 8666
Faks : 09-5318747 / 8737
Web : <http://pahang.jksm.gov.my>
E-mail : jksps@esyariah.gov.my

Ruj. Tuan : JKSP 600-1/3/1 (82)
Takwim : 16 Jamadil Awal 1445H
Tarikh : 30hb November 2023

Yang Arif Hakim Mahkamah Tinggi Syariah,
Tuan Hakim Mahkamah Rendah Syariah,

PEKELILING KETUA HAKIM SYARIE BIL. 2 TAHUN 2023

Larangan Penyebaran Kes-Kes Mahkamah Di Media Sosial

Saya ingin menarik perhatian semua Yang Arif Hakim Mahkamah Tinggi Syariah dan Tuan Hakim Mahkamah Rendah Syariah kepada keputusan Muzakarah Kehakiman Jabatan Kehakiman Syariah Pahang Bil 2/2023 pada 25hb hingga 26hb Oktober 2023 bersamaan 10 Rabiul Akhir 1445H hingga 11 Rabiul Akhir 1445H di eRYA by SURIA Hot Spring Bentong telah bersetuju sebagaimana yang berikut:

1. Memuatnaik apa-apa dokumen Mahkamah sama ada bagi kes yang masih dalam prosiding atau telah selesai untuk tatapan umum;
2. Mengulas dan membincangkan apa-apa isu berkaitan kes yang masih dalam prosiding atau yang telah selesai; dan
3. Meluah perasaan / memaki / menggunakan kata-kata kesat terhadap Hakim Bicara / Pegawai Mahkamah / Pendakwa Syarie / Peguam Syarie dan Pihak-pihak.

Larangan ini terpakai kepada semua pihak termasuk Pihak Mahkamah, Peguam Syarie, Pendakwa Syarie, pihak-pihak dan orang awam.

Pekeliling Ketua Hakim Syarie Bil. 7 Tahun 2020 adalah dibatalkan.

Pekeliling ini berkuatkuasa mulai 30hb November 2023.

(DATO' HAJI ABDUL WALID BIN HAJI ABU HASSAN, DIMP., DSPN., SAP., PJK.)

Ketua Hakim Syarie Negeri Pahang

KUANTAN

2023